



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL 05/2026

Rujukan: Bil (12) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 3

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

6 April 2026

Setiausaha Bandaraya,
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit,
Semua Pegawai Dan Anggota,
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan / Puan,

**ARAHAN KAWALAN PENJIMATAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN MAJLIS
BANDARAYA IPOH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini disediakan untuk menerangkan kepada semua pegawai/anggota Majlis Bandaraya Ipoh mengenai kawalan penjimatan perbelanjaan peruntukan Majlis Bandaraya Ipoh atas faktor ketidakpastian ekonomi global kini yang berpunca daripada konflik geopolitik antarabangsa. Keadaan ini telah menyebabkan kenaikan kos bahan api seterusnya memberi kesan langsung kepada peningkatan perbelanjaan lain di Majlis Bandaraya Ipoh.

2. KAEDAH KAWALAN PERBELANJAAN

Selaras dengan tatakelola kewangan berhemah dan usaha dalam memastikan penjimatan perbelanjaan di bawah peruntukan Bajet 2026 Majlis Bandaraya Ipoh, semua Ketua Jabatan/Unit dan semua pegawai/anggota Majlis Bandaraya Ipoh adalah dikehendaki untuk melaksanakan langkah-langkah kawalan perbelanjaan seperti berikut:

2.1 Kawalan Penggunaan Kenderaan Dan Bahan Api

- i. Perjalanan ke luar perlu dihadkan kekerapannya dan perkongsian kenderaan melibatkan perjalanan ke destinasi yang sama amatlah digalakkan.
- ii. Penggunaan kenderaan berenjin petrol berbanding diesel adalah digalakkan namun penggunaan kenderaan bagi tujuan operasi perlu diteruskan supaya perkhidmatan kepada orang awam tidak terjejas.
- iii. Penyewaan bas Majlis oleh pihak luar perlu dihadkan dan permohonan penyewaan bas adalah tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar.
- iv. Pemandu perlu memastikan enjin kenderaan dimatikan bagi tempoh menunggu.

2.2 Kawalan Pengurusan Elaun Lebih Masa

- i. Perbelanjaan bagi kerja lebih masa hendaklah dikawal. Ketua Jabatan/Unit hendaklah mengarahkan kerja lebih masa untuk kerja yang benar-benar penting untuk disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- ii. Ketua Jabatan/Unit bertanggungjawab merancang kerja lebih masa anggota dengan baik dengan mengambil kira keutamaan tugas.

2.3 Kawalan Pengurusan Utiliti

- i. Semua pegawai/anggota Majlis perlu mengamalkan langkah penjimatan elektrik dengan memastikan peralatan elektrik ditutup apabila tidak digunakan dan penetapan suhu penghawa dingin **24°C hingga 26°C** iaitu mengikut julat paling optimum untuk penjimatan tenaga.
- ii. Semua pegawai/anggota perlu mengamalkan penggunaan air secara berhemah serta mengelakkan sebarang pembaziran air.
- iii. Langkah penjimatan kos telekomunikasi juga hendaklah dilaksanakan dengan memastikan penggunaan kemudahan komunikasi adalah terkawal serta terhad kepada urusan rasmi sahaja.

2.4 Kawalan Tugas Rasmi Dalam Negeri Dan Kursus/Latihan Majlis.

- i. Kursus/latihan/bengkel anjuran Majlis yang dijadualkan di luar pejabat adalah dihadkan dan tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar. Premis/kemudahan dewan sedia ada milik Majlis perlu diberi keutamaan sebagai lokasi kursus/latihan/bengkel.
- ii. Kursus/latihan/bengkel secara atas talian adalah digalakkan mengikut kesesuaian program.
- iii. Penyertaan tugas-tugas rasmi dalam negeri tertakluk kepada perjalanan yang dibenarkan dengan penglibatan pegawai/anggota yang minima serta kaedah perjalanan yang menjimatkan.

2.5 Kawalan Penganjuran Program Dan Majlis Rasmi.

- i. Ketua Jabatan/Unit perlu merancang program-program Majlis dengan cekap dan teratur supaya perbelanjaan dapat dijimatkan dan dihadkan. Sekiranya acara/majlis rasmi/program Bandaraya perlu diadakan, keutamaan penganjuran hendaklah diadakan di premis-premis milik Majlis Bandaraya Ipoh.
- ii. Acara/majlis rasmi/program Bandaraya yang memberi impak besar boleh dipertimbangkan berdasarkan jumlah peruntukan yang bersesuaian dan tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar.

2.6 Kawalan Tugas Rami Luar Negara Dan Program Antarabangsa.

- i. Tugas rasmi dan program hubungan antarabangsa Majlis di luar negara hendaklah dihadkan kepada program yang memberi impak besar dengan jumlah penyertaan pegawai/anggota yang minima dan kaedah perjalanan yang menjimatkan.
- ii. Penglibatan tugas rasmi dan program antarabangsa di luar negara hanya dibenarkan mengikut peruntukan yang diluluskan serta tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar.
- iii. Penganjuran program – program hubungan antarabangsa hendaklah diperhalusi supaya hanya program yang membawa kepentingan hubungan diplomasi yang signifikan kepada Majlis diutamakan.
- iv. Program antarabangsa yang **dibiayai sepenuhnya oleh pihak penganjur** dan tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Majlis adalah dibenarkan namun tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar.

2.7 Kawalan Pengurusan Dokumen

- i. Semua Jabatan/Unit perlu mengoptimumkan penggunaan emel rasmi untuk penghantaran dokumen, surat-menyurat dan laporan bagi mengurangkan kos percetakan dan penghantaran dokumen.
- ii. Semua Jabatan/Unit perlu beralih kepada penyediaan dokumen-dokumen mesyuarat secara digital atau '*paperless*' dengan menggunakan komputer/tablet untuk rujukan dokumen atau edaran kepada ahli-ahli mesyuarat.

2.8 Kawalan Perbelanjaan Pembelian Aset Dan Harta Modal.

- i. Pembelian aset adalah berdasarkan keperluan dan justifikasi yang dikemukakan serta yang tidak menjejaskan operasi perkhidmatan di Jabatan/Unit.

2.9 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

- i. Semua Jabatan/Unit hendaklah memantau secara rapi kemajuan projek agar ianya siap dalam tempoh yang ditetapkan dan sebarang arahan perubahan yang mengakibatkan pertambahan kos projek perlu dipantau berdasarkan peraturan semasa.

3. Semua anggota/pegawai dan Ketua Jabatan/Unit adalah bertanggungjawab merancang dan mengawal perbelanjaan dengan mengoptimumkan penggunaan peruntukan sedia ada tanpa melibatkan permohonan peruntukkan tambahan bagi memastikan objektif penjimatan Majlis tercapai.

4. Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan dan dibaca bersama pekeliling/peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.


"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BESTARI SEJAHTERA"

"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAMAKHSHARI BIN HANIPAH)
Datuk Bandar Ipoh
Majlis Bandaraya Ipoh